

Sinar Harian - Alternatif Ganti GST Masuk Dalam Manifesto Pas: Abdul Hadi

📅 Isnin, Feb 05 2018

Alternatif ganti GST masuk dalam manifesto Pas: Abdul Hadi

KEPALA BATAS- Pas mempunyai penyelesaian tersendiri dalam menangani bebanan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang akan disenaraikan bawah manifesto PRU14.

SH 5/2-

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, parti itu akan memperkenalkan suatu alternatif berbeza menggantikan GST.

“Kita ada alternatif lain, melalui Buku Hijau dan Gagasan Sejahtera.

Dalam manifesto kita akan bentangkan penyelesaian sendiri, mungkin tak ada GST,” katanya.

Beliau berkata pada sidang media selepas menghadiri Dialog Pas bersama NGO India, semalam.